

Agenda Hijau rancak ekonomi

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Inisiatif Agenda Hijau di bawah Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan sejak 2009 memainkan peranan penting merancang ekonomi dan mempromosi pembangunan lestari.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, antaranya Skim Pembiayaan Teknologi Hijau menghasilkan RM5.6 bilion disalurkan kepada 431 syarikat dan syarikat hijau.

Menurut beliau, Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) yang diperkenalkan pada tahun lalu pula menyaksikan sejumlah 635 projek teknologi hijau diluluskan untuk pembelian aset teknologi hijau, menghasilkan pelaburan RM2.389 bilion manakala Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) diluluskan untuk enam projek perkhidmatan hijau.

“Program MyHijau Mark and Directory juga mendorong perniagaan, pengguna dan agensi untuk membuat keputusan pembelian dengan membina katalog produk dan perkhidmatan hijau yang diperakukan.

“Ini menggabungkan pengiktirafan hijau sejajar dengan Program Perolehan Hijau, dengan lebih 7,776 produk dan 653 syarikat perkhidmatan menyertai MyHijau.



MUHYIDDIN YASSIN

“Ini adalah beberapa inisiatif yang ditawarkan kementerian dan agensi untuk mempermudahkan transformasi ekonomi negara dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau sejak dekad lalu,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa (Igem) 2021 ke-12 secara maya semalam.

Muhyiddin berkata, kerajaan turut menubuhkan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) pada April lalu sebagai platform berpusat bertujuan memandukan Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi tindakan perubahan iklim yang dikawal selia Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan memberi tumpuan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Kebangsaan (NLCCMP), Pelan Pembangunan

Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 dan mekanisme penetapan harga karbon.

Beliau menjelaskan, NLC-CMP yang dilancarkan pada 13 Julai lalu memberikan panduan kepada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri mengenai perkhidmatan kelestarian alam sekitar, infrastruktur dan pembangunan.

Melalui Rangka Tindakan Mobiliti Rendah Karbon pula, kata beliau, terdapat peningkatan penggunaan kenderaan elektrik dan pengangkutan rendah karbon untuk pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dalam tempoh 10 tahun ke hadapan.

“Dalam menerapkan rancangan induk dan mengiktiraf peranan bandar dalam menangani perubahan iklim, kerajaan memperuntukkan RM35 juta di bawah Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GERAK) bagi membolehkan pihak berkuasa tempatan bergerak ke arah bandar rendah karbon melalui inisiatif akar umbi.

“Pada awal tahun ini juga kerajaan Malaysia mengambil langkah proaktif untuk menyelaraskan agenda pembiayaan hijau dengan mengeluarkan Sukuk Kelestarian Dolar AS Berdaulat pertama di dunia dengan sejumlah AS\$ 1.3 bilion yang dikumpulkan digunakan untuk membiayai projek sosial dan hijau,” katanya.

UM - 23/7/2021 m/s: 2